

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: Wednesday, 30 March, 2016 3:33 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Zairi Afandi bin Ishak
Subject: PERJUMPAAN DAN SESI DIALOG ANTARA PENGURUSAN PUSAT PENGAJIAN DENGAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA



**Pusat Pengajian Pendidikan
dan Bahasa Moden**

SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES

Universiti Utara Malaysia



30 MAC 2016 / 21 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg.Dato' Seri/ YBhg.Dato' / Prof./Dr./Tuan/Puan

PERJUMPAAN DAN SESI DIALOG ANTARA PENGURUSAN PUSAT PENGAJIAN DENGAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA



SEML ONLINE: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Modern UUMCAS telah mengadakan Perjumpaan dan Sesi Dialog Antara Pengurusan Pusat Pengajian dengan Pelajar-Pelajar Ijazah Sarjana Muda. Perjumpaan tersebut telah diadakan pada 29 Mac 2016 (Selasa) di Dewan Kuliah Gugusan 3/1. Perjumpaan ini melibatkan semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Modern, UUMCAS.

Dalam perjumpaan tersebut Dekan SEML, Prof. Madya. Mejar Dr. Yahya Don memberi perangsang kepada para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan akademik. Para pelajar dinasihatkan supaya tidak terlalu bergantung untuk mendapatkan pekerjaan dalam sector kerajaan sahaja. Untuk menceburi bidang tersebut, Pusat Pengajian sedia membimbing pelajar untuk menjadi usahawan berjaya. Didikan awal yang diberikan adalah melalui penglibatan para pelajar dalam penganjuran Kem Eko-Akademik Pusat Pengajian.

Dekan juga menekankan agar para pelajar perlu menceburi bidang khidmat sosial di kawasan sekitar dengan membantu pelajar sekolah yang kurang berkemampuan berjaya dalam bidang akademik.

Selain itu, para pelajar juga didedahkan tentang Rancangan Latihan Mengajar (RLM) sebagai persediaan kepada para pelajar yang akan menjalani Praktikum Keguruan di sekolah. Pendedahan itu diberikan oleh Penyelaras Rancangan Latihan Mengajar SEML, Dr. Hj. Yus'aiman Jusoh @ Yusoff.

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Modern merakamkan ucapan terima kasih semua staf dan para pelajar di Pusat Pengajian ini kerana sudi hadir ke perjumpaan tersebut.

Habis

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382

